

Malaysia Sasar Pendapatan Sektor Pelancongan RM168 Bilion Pada 2020 - Ng Yen Yen
Bernama
15 Oktober, 2011

SEMPORNA, 15 Okt (Bernama) -- Sektor Pelancongan dan industri berkaitan disasar menyumbang RM168 bilion kepada negara menjelang tahun 2020.

Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen berkata sasaran itu berdasarkan jangkaan kehadiran 36 juta pelancong menjelang tahun berkenaan.

"Pada tahun 2010, pendapatan negara melalui sektor pelancongan ialah RM56.4 bilion," katanya kepada pemberita, di sini.

Sementara itu, Ng berkata Semporna yang mempunyai lebih 80 buah pulau dan terkenal dengan aktiviti selaman, merupakan aset produk pelancongan negara yang kian penting.

Katanya tahun lalu sahaja, pelancongan Semporna menyumbang RM190 juta kepada ekonomi negara dengan kehadiran lebih 40,000 pelancong yang kebanyakannya datang untuk aktiviti menyelam.

Ng berkata kementeriannya melalui Tourism Malaysia telah berbincang dengan agensi pelancongan di dua bandar di Rusia iaitu Vladivostok dan Khabarovsk untuk mewujudkan penerbangan sewaan dari kedua-dua bandar itu ke Kota Kinabalu.

Perkara ini sedang diuruskan pegawai Tourism Malaysia, katanya.

Mengenai keputusan kerajaan Sabah untuk mengharamkan kegiatan pemburuan jerung di negeri ini bermula tahun depan, Ng berkata beliau menghormati pendirian kerajaan negeri kerana tujuannya ialah bagi mewujudkan persekitaran pelancongan yang mampan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620157>